



IBU PEJABAT

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Menara PERKESO

281 Jalan Ampang

50538 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-4264 5000

No. Faks: 03-4256 7713

Laman Web: www.perkeso.gov.my

E-mel: perkeso@perkeso.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : **PKS:BB:208/41 Jld 36 (25)**
Tarikh : **3 Oktober 2013**

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

(u.p.: Puan Noorakmar bt Hussin)

Puan

**PROSEDUR PEMBAYARAN CARUMAN PERKESO DENGAN CEK DI KAUNTER PERKESO
OLEH JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya, perbualan telefon bersama puan dan pegawai kami, Encik Ahmad Nazli bin Othman Mohd pada 1 Oktober mengenai perkara di atas adalah dirujuk dan mesyuarat bersama pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (AGO) bertarikh 9 September 2013 adalah berkaitan.

2. Berhubung perkara di atas, sukacita dapat pihak Akauntan Negara Malaysia (AGO) memastikan keseragaman dan kesempurnaan dokumentasi pembayaran caruman PERKESO bagi memudahkan pengurusan dan penyesuaian bayaran caruman dilaksanakan oleh PERKESO. Justeru, cek bayaran caruman AGO hendaklah dikemukakan kepada PERKESO bersama-sama dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (a) Surat Muka AGO seperti contoh yang dilampirkan pada **Lampiran 1**;
- (b) SOCSO Summary Report;
- (c) Lampiran A; dan
- (d) CD format PERKESO yang mengandungi data pekerja. (Pihak AGO tidak perlu menghantar salinan hardcopy data pekerja sekiranya CD tersebut dikemukakan).

3. Justeru, pihak AGO diminta untuk memastikan status cek yang dikemukakan kepada PERKESO memenuhi kriteria-kriteria berikut:-

- (a) Bertarikh semasa atau masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Dibayar atas nama **Akaun Pungutan Caruman - AGO**;
- (c) Jumlah bayaran dalam angka hendaklah bersamaan dengan jumlah dalam perkataan;
- (d) Telah ditandatangani;
- (e) Tiada sebarang pindaan dibuat pada cek;
- (f) Jumlah pada cek hendaklah bersamaan dengan jumlah pada SOCSO Summary Report dan Lampiran A kepada CD.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak AGO boleh berhubung dengan pegawai kami seperti berikut untuk keterangan lanjut:-

- | | | |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| (a) | Puan Rahil Safura bt Mustafa
emel: rahil.mustafa@perkeso.gov.my | 03-4264 5453 / 012 605 4936 |
| (b) | Puan Wan Nur Amilin bt Wan Ahmad Sukri
emel: amilin.sukri@perkeso.gov.my | 03-4264 5456 / 012-606 4532 |

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Pemangkin Transformasi Negara"

Saya yang menurut perintah,



(ROSMAWATI BT ZAINUDDIN)

Bahagian Perbendaharaan

b.p. Ketua Eksekutif

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

"SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA"